

**SOALAN-SOALAN BERTULIS
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR (BAJET 2015)
PADA 12 HINGGA 20 NOVEMBER 2014**

**Y.B. CIK WONG SHU QI (SENAI)
SOALAN B95**

Sila nyatakan bilangan kes kilang haram yang telah diselesaikan di bawah Program Pemulihan Industri setiap tahun dari 2008 hingga 2014 mengikut pecahan PBT masing-masing.

JAWAPAN

Senarai bilangan kilang haram bagi Daerah Kulaijaya sepertimana yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor (JPBD) adalah sebanyak 41 kes. Bilangan kes kilang haram yang telah dikeluarkan notis (Borang F) Jadual Keempat Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (AM) 1986 Negeri Johor iaitu di bawah Program Pemutihan Industri setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2014 bagi Daerah Kulaijaya adalah sebanyak 14 kes.

Manakala 5 kes kilang haram yang telah mengemukakan pelan kebenaran merancang kepada pihak majlis dan seterusnya mendapat kelulusan. Sebanyak 22 kilang haram yang masih lagi dalam tindakan Majlis untuk mengenalpasti lokasi-lokasi yang dikemukakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor. Perincian kilang-kilang haram adalah sebagaimana berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH KILANG HARAM
1.	Borang F – Notis Menghendaki Supaya Permohonan Untuk Kebenaran Merancang Dikemukakan Dalam Hal Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang (Kaedah 13(3) – sebagaimana surat bertarikh 14 Julai 2011.	14 Kes
2.	Kilang haram yang dalam tindakan pihak Majlis. (Mengetahui pasti akan lokasi-lokasi tapak kilang haram tersebut)	22 Kes
3.	Kilang –kilang haram yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada pihak Majlis.	5 Kes
JUMLAH KILANG HARAM		41 Kes